



KEMENTERIAN KERJA RAYA

MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST)

MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR KESELAMATAN JALAN RAYA NEGERI KEDAH

KULIM, KEDAH – Kementerian Kerja Raya (KKR) sedang melaksanakan Program **Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya** di seluruh Negara yang telah diluluskan pada Rolling Plan 2, RMKe-11 dengan siling peruntukan berjumlah RM241.5Juta dan diteruskan pelaksanaannya dalam RMKe-12.

Bagi Negeri Kedah, program ini dilaksanakan dengan penyerahan Surat Setuju Terima (SST) oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi kepada kontraktor negeri Kedah yang berjaya, melibatkan **8 Kerja Pemasangan Lampu Jalan Di Kawasan Kemalangan/Berisiko Kemalangan Akibat Jalan Gelap dan 4 Lokasi Rawatan Memperelok Lokasi Kerap Berlaku Kemalangan (Blackspot)** dengan kos keseluruhan berjumlah **RM2.4 Juta**.

Untuk makluman, skop merawat lokasi kerap berlaku kemalangan atau *blackspot* dilaksanakan sebagai satu usaha untuk mengurangkan kemalangan yang disebabkan oleh faktor kejuruteraan jalan. Rawatan *blackspot* ini hanya berskala kecil/jangka pendek dan antara contoh rawatan tersebut ialah pembaikan perabot jalan seperti papan tanda, penghadang jalan, pembaikan tandaan jalan, bebendul jalan, lorong memotong, pembahagi dan pepaku jalan. Bagi tahun 2023, empat lokasi di Daerah Kuala Muda telah dikenalpasti dengan kos setiap lokasi bernilai RM350ribu.

Manakala bagi skop pemasangan lampu jalan di kawasan berlaku kemalangan atau berisiko kemalangan, ia dikenal pasti berpunca akibat jalan gelap seperti di persimpangan, selekoh dan jambatan serta kawasan yang mempunyai jumlah kemalangan yang tinggi. Pemasangan lampu jalan akan dibuat secara setempat dan berskala kecil di lokasi yang dikenal pasti. Bagi tahun 2023, sebanyak dua lokasi dikenalpasti di Daerah Sik, satu di Daerah Kuala Muda, satu di Daerah Yan, dua di Daerah Kubang Pasu dan dua di Daerah Baling yang membawa kos keseluruhan sebanyak RM1juta (jumlah lapan lokasi).

Kawasan kerap berlaku kemalangan (*Blackspots*) bermaksud kawasan yang sering berlaku kemalangan sama ada 3 kemalangan sama jenis atau 5 kemalangan dari pelbagai jenis dalam tempoh 3 tahun di lingkungan 100 meter panjang jalan atau 50 meter radius jalan.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

27 JULAI 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

🌐 WWW.KKR.GOV.MY 📩 PRO@KKR.GOV.MY 📱 [KEMENTERIAN KERJA RAYA](#) 📱 [KKR_MALAYSIA](#) 📱 [@MOWORKS](#) 📱 [KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL](#)

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur